

The book cover features a central decorative frame with intricate white and gold scrollwork on a dark grey background. The background is a light beige color with faint, scattered Arabic calligraphy. In the upper right corner, there are two blue ink pots and a quill pen. In the lower left, there is a large, stylized calligraphic element. The title is prominently displayed in the center of the frame.

Perkataan Asing
dalam
Bahasa
arab

YAHYA BAKERI


UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
PUBLISHER

Perkataan Asing
dalam

Bahasa
arab

Perkataan Asing
dalam
Bahasa
arab

YAHYA BAKERI

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan

© Yahya Bakeri, 2016

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh
UNIMAS Publisher,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh
InfoGrafik Press Sdn. Bhd.
Lot 201, No. 265, Section 50,
Jalan Nipah, Off Jalan Abell Utara,
93100 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Yahya Bakeri, 1978-
Perkataan Asing dalam Bahasa arab / YAHYA BAKERI.
Includes index
Bibliography: pages 127-132
ISBN 978-967-5527-96-8
1. Arabic language--Foreign words and phrases.
2. Arabic language--Foreign elements.
I. Judul.
492.724

KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| PRAKATA | ix |
| I PENGGUNAAN PERKATAAN ASING DALAM LAMAN SESAWANG | 1 |
| Pendahuluan | 1 |
| Permasalahan Peminjaman Perkataan Baharu | 5 |
| Pemilihan Perkataan | 13 |
| Perbincangan Mengenai Perkataan Baharu | 20 |
| Penutup | 29 |
| II SUMBER PERKATAAN ASING DALAM BAHASA ARAB | 31 |
| Pendahuluan | 31 |
| Sumber Politik | 35 |
| Sumber Sosial | 41 |
| Penyebaran ilmu sains | 46 |
| Penglibatan dalam Kesukuanan | 48 |
| Sumber Ekonomi | 50 |
| Pemindahan teknologi moden | 51 |
| Penutup | 52 |

| | | |
|------------|--|------------|
| III | FAKTOR-FAKTOR KEMASUKAN PERKATAAN ASING DALAM BAHASA ARAB | 53 |
| | Pendahuluan | 53 |
| | Faktor Politik | 55 |
| | Faktor Ekonomi | 64 |
| | Faktor Sosial | 70 |
| | Penutup | 86 |
| IV | BENTUK DAN JENIS PERKATAAN BAHARU DALAM BAHASA ARAB | 89 |
| | Pendahuluan | 89 |
| | Perkataan yang Berbentuk Transliterasi | 94 |
| | Kombinasi Perkataan Arab dan Asing | 111 |
| | Perkataan yang Sama tetapi Berlainan Penggunaan | 116 |
| | Terjemahan secara Literal | 117 |
| | Penutup | 118 |
| V | RUMUSAN | 121 |
| | Rumusan | 121 |
| | Kesimpulan | 125 |
| | RUJUKAN | 127 |
| | INDEKS | 133 |

PRAKATA

Kemasukan perkataan asing yang melambangkan kemajuan sains, teknologi termasuk IT, sesawang dan seumpamanya ke dalam media sesawang rasmi Arab tidak terkawal. Ini boleh mengancam kefasihan atau keaslian bahasa Arab dari sudut perkataan dan struktur ayat.


Sehubungan itu, dalam buku ini menerokai sumber, faktor dan bentuk perkataan-perkataan asing yang digunakan dalam media sesawang rasmi Arab. Buku ini cuba meninjau persoalan asasi yang dapat membantu menyelesaikan persoalan yang menyebabkan kemasukan perkataan asing tersebut. Pendedahan dalam kepelbagaian yang boleh dikaitkan dengan sumber, faktor dan bentuk perkataan asing dalam media sesawang rasmi Arab.

Dengan ini mendapati bahawa kepelbagaian sumber tersebut terbahagi kepada tiga sub-kepelbagaian iaitu politik, sosial dan ekonomi dan penyebaran ilmu sains. Pemindahan teknologi moden merupakan faktor penting dalam sub-kepelbagaian. Akhir sekali, menyentuh kepelbagaian bentuk, mendapati terdapat empat sub-kepelbagaian iaitu perkataan yang berbentuk transliterasi, kombinasi perkataan Arab dan asing, perkataan yang sama tetapi berlainan penggunaan dan perkataan yang berbentuk terjemahan secara literal.

Pendedahan tentang kepelbagaian ini boleh dijadikan asas penting yang diharapkan dapat memperincikan kesesuaian perkataan-perkataan asing tersebut dalam media rasmi Arab.

Yahya Bakeri

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi
Universiti Malaysia Sarawak,
Kota Samarahan, Sarawak.



PENGGUNAAN PERKATAAN ASING DALAM LAMAN SESAWANG

PENDAHULUAN

Hari ini kita dapati dunia Arab cukup maju dalam bidang teknologi maklumat (IT) dengan pelbagai informasi yang amat menarik dan berkesan. Ini ditambah lagi dengan era globalisasi yang amat mencabar, mengajak manusia bersaing antara satu sama lain. Pengaruh globalisasi ini sangat sukar untuk dihalang. Hal ini kerana seluruh dunia telah menerima tempiasnya. Tempiasnya bukan sahaja di Timur malah juga turut sampai ke Timur Tengah iaitu negara-negara Arab. Dunia suatu ketika dahulu amat jauh antara satu dengan yang lain. Amat sukar berhubung dan berinteraksi kerana tiada alat komunikasi yang baik. Namun suasana ini sudah berakhir. Kini dunia menjadi lebih dekat dan perhubungan semakin mudah dan senang. Hal ini kerana hasil daripada perkembangan sistem jaringan komunikasi dan internet.

Jaringan ini tidaklah tercipta sendiri. Malah jaringan ini memerlukan masa dan perahan otak untuk membinanya. Semuanya memerlukan kesungguhan dan keberanian. Dengan adanya sistem

komunikasi yang baharu ini, maka telah adanya laman-laman sesawang. Laman-laman sesawang yang dibina ini memerlukan perkataan yang baharu kerana orang Arab bukanlah orang yang pertama membinanya. Oleh itu, para pakar bahasa Arab telah berusaha sekeras-kerasnya mencari dan mencipta perkataan yang baharu untuk disesuaikan dengan maksud perkataan itu dalam bahasa Arab. Keadaan menjadi lebih rumit apabila perkataan itu tiada yang sesuai dan akhirnya pilihan yang terbaik ialah menggunakan perkataan-perkataan asing.

Situasi ini menyebabkan pembinaan media sesawang rasmi Arab yang baharu. Oleh itu, hal ini sudah pasti melibatkan perkataan-perkataan terkini yang sesuai dengan perkembangan semasa, di samping memerlukan kepakaran bukan sahaja kepakaran dalam bidang kejuruteraan komputer tetapi juga kepakaran dalam bidang bahasa. Kepakaran dalam bidang bahasa ini diperlukan untuk menamakan setiap sistem penulisan gambar dan juga hasil tulisan yang mahu dipaparkan di media sesawang rasmi Arab. Hasilnya, untuk menamakan sesuatu yang baharu memerlukan pengkajian khusus agar setiap perkataan baharu itu mempunyai perkataan sendiri bukan hanya meminjam daripada perkataan luar.

Perkembangan teknologi internet ini semakin cepat dan bergerak pantas. Kepantasan dunia internet seiring dengan perkembangan dan situasi semasa. Sesiapa yang tidak merebut peluang ini, akan ketinggalan zaman dan dianggap bangsa yang mundur. Begitu juga perkataan yang digunakan di laman sesawang www.aljazeera.net perlu disesuaikan seiring dengan situasi semasa. Perkataan yang digunakan juga hendaklah baru dan sesuai dengan permintaan dan perkembangan semasa agar mudah difahami oleh para pembaca media sesawang rasmi Arab tersebut.

Ada sesetengah laman sesawang pula mengetengahkan perkataan baharu sehingga menyebabkan perkataan yang dipaparkan di media sesawang rasmi Arab itu sukar difahami pembaca. Hal ini sekali